

07 SEP 1997

UMNO: PERHIMPUNAN AGUNG BERAKHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 1997 berakhir hari ini selepas berlangsung selama tiga hari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perhimpunan itu meluluskan tiga usul iaitu ucapan dasar Presiden, agama dan ekonomi. Semasa perbahasan, para perwakilan menyentuh pelbagai isu semasa terutama ancaman terhadap ekonomi negara dan keutamaan dalam Islam.

Perhimpunan bertemakan "Akhlak Mulia, Masyarakat Jaya" dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Timbalannya Tan Sri Shoib Haji Ahmad.

Ucapan penggulungan hari ini bermula dengan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid diikuti Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, kesemuanya anggota Majlis Tertinggi. Kemudian Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat penggulungan masing-masing.

Tan Sri Sulaiman juga melancarkan kutipan derma Umno hari ini untuk disumbangkan kepada Yayasan Sarang Bangun, sebuah yayasan khusus untuk membantu anak-anak yatim dan balu bekas pejuang Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) di Mindanao, Filipina Selatan, yang dapat mengumpul lebih RM23,000.

Lebih 2,500 orang, termasuk 1,905 perwakilan, menghadiri perhimpunan itu. -- BERNAMA

MOK NAK